



**BAHAGIAN 4
LIBAT URUS STRATEGIK
BERSAMA PIHAK
BERKEPENTINGAN**

BAHAGIAN 4 LIBAT URUS STRATEGIK BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

PENGENALAN

Pembangunan berterusan pasaran modal Malaysia merupakan usaha yang bergantung kepada kerjasama erat dan sinergi antara pelbagai pihak berkepentingan. Selaras dengan semangat ini, SC kekal teguh pada tahun 2025 dalam komitmennya terhadap libat urus strategik dan inklusif bersama pihak berkepentingan, bagi memastikan dasar yang dirumus dan inisiatif pembangunan yang dilaksanakan mengambil kira keperluan serta perspektif yang pelbagai.

SC telah memperkukuh libat urus secara meluas dengan pelbagai pihak berkepentingan di Malaysia dan peringkat antarabangsa, termasuk peserta pasaran, perantara kewangan, pihak berkuasa kawal selia, agensi kerajaan, pelabur, pihak akademia dan media. Berpandukan proses pemetaan pihak berkepentingan yang berstruktur, SC terus mengamalkan pendekatan yang bersifat fasilitatif dan responsif dalam menangani perkembangan serta cabaran pasaran. Libat urus dilaksanakan melalui sesi rundingan, dialog, taklimat dan forum, bagi memastikan komunikasi dan kerjasama yang konsisten. Usaha ini berteraskan keyakinan bahawa pengawalseliaan yang fasilitatif dan berkesan lahir daripada pemahaman mendalam terhadap industri serta tanggungjawab bersama dalam ekosistem.

Sepanjang tahun 2025, SC telah melaksanakan beberapa inisiatif utama bagi memperkukuh daya tahan pasaran, inovasi dan pemeraksanaan pelabur. Melalui libat urus ini, SC mengukuhkan peranannya sebagai pengawal selia yang proaktif dan kolaboratif, komited untuk membangunkan pasaran modal yang adil, cekap dan telus, selaras dengan aspirasi pertumbuhan jangka panjang Malaysia yang mampan dan inklusif.

EKOSISTEM FASILITATIF DAN INKLUSIF

SC terus membangunkan ekosistem yang fasilitatif dan inklusif bagi pasaran bon korporat dan sukuk Malaysia melalui inovasi digital, pengukuhan tadbir urus serta kerjasama rapat dengan pihak berkepentingan industri. Pada tahun 2025, SC meneroka penggunaan blok rantai (blockchain) dan tokenisasi bagi mempertingkatkan infrastruktur pasaran, meluaskan akses serta mengekalkan piawaian pengawalseliaan dan perlindungan pelabur yang kukuh.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, SC dan Khazanah Nasional mengumumkan 'Bond Pilot' untuk mentokenkan bon dan sukuk, sebagai penerokaan awal terhadap teknologi blok rantai dalam menyokong

proses pasaran bon yang lebih telus, cekap dan berskala. *Bond Pilot* bertujuan untuk memberikan pandangan operasi mengenai peluang dan cabaran dalam mengaplikasikan penyelesaian rantaian blok merentasi kitaran hayat bon.

Bagi menyokong kesiapsiagaan ekosistem, SC menjalinkan libat urus secara rapat dengan pihak berkepentingan industri sepanjang tahun. Sesi meja bulat telah diadakan pada bulan Jun dan Julai bersama bank pelaburan dan perantara pasaran lain untuk mendapatkan maklum balas mengenai rangka kerja pengawalseliaan bon korporat dan sukuk SC. Perbincangan memberi tumpuan kepada penambahbaikan saluran pengedaran, pengukuhan tadbir urus dan perlindungan pelabur serta menangani kekangan akses bagi menggalakkan penyertaan runcit yang lebih meluas dalam pasaran.

Usaha pembinaan keupayaan turut diperkukuh melalui Bengkel Tokenisasi Bon anjuran SC pada 7 Ogos 2025. Bengkel separuh hari ini menghimpunkan 133 peserta daripada badan kawal selia, penerbit, perantara dan penyedia teknologi. Sesi-sesi ini menggariskan pendekatan pengawalseliaan Malaysia, memperkenalkan asas teknologi blok rantai serta menyorot pengalaman antarabangsa dalam penerbitan bon digital.

Kerjasama serantau turut diperkukuh melalui Asian Bond Pricing Forum 2025 yang diadakan pada 21 Oktober. Acara ini dianjurkan oleh SC bersama Bond Pricing Agency Malaysia (BPAM) dan Persatuan Pasaran Bon Thai (ThaiBMA). Forum tersebut menghimpunkan pembuat dasar serantau, pengawal selia dan pengamal pasaran bagi menggalakkan ketelusan, inovasi dan kemampanan dalam pasaran bon ASEAN.

Selain itu, SC turut menjadi hos kepada PT Penilai Harga Efek Indonesia (PHEI) dan Badan Pengelola Keuangan Haji Indonesia (BPKH) pada 29 Oktober 2025. Libat urus ini memberi tumpuan kepada pembangunan pasaran sukuk, pendekatan penilaian, pertimbangan pengawalseliaan serta aspek Syariah yang berkaitan dengan struktur sekuritisasi.

Secara keseluruhannya, inisiatif ini mencerminkan komitmen SC untuk mewujudkan pasaran bon korporat dan sukuk yang lebih mudah diakses, berdaya tahan dan bersedia untuk inovasi. Dengan menggabungkan pandangan awal daripada projek perintis tokenisasi sukuk bersama libat urus menyeluruh pihak berkepentingan, SC terus meletakkan asas bagi pasaran modal yang lebih inklusif dan bersedia untuk masa hadapan.

MEMPERKUKUH TADBIR URUS SYARIAH DAN PENGAWASAN BERETIKA

SC terus memperkukuh ekosistem tadbir urus Pasaran Modal Islam (ICM) Malaysia melalui wacana Syariah guna dan pementoran. Inisiatif-inisiatif ini mengukuhkan peranan SC sebagai pemudah cara dan penjaga amalan pasaran berprinsip yang selari dengan Maqasid.

Nadwah Penasihat Syariah Pasaran Modal Islam Kali Ketiga 2025

Nadwah Penasihat Syariah Pasaran Modal Islam 2025 anjuran SC, yang diadakan pada 26 Mei 2025

dengan kerjasama Bursa Malaysia, memberi tumpuan kepada tema kritikal iaitu perubahan iklim, dasar iklim mampan serta pengintegrasian perspektif Syariah dalam menangani cabaran alam sekitar dan kemampanan. Acara ini menarik hampir 300 peserta dan menampilkan beberapa sorotan utama, termasuk pelancaran dua penerbitan dalaman – 40 Hadiths on Sustainability dan 40 Hadiths on Ethical Sales Transactions. Nadwah ini turut menyaksikan penubuhan MaTF, sekali gus mengukuhkan komitmen SC untuk memacu penerimaan Panduan Maqasid dalam amalan pasaran.

Wacana Syariah Tertutup 2025 yang dipimpin oleh Sheikh Dr. Nizam Yaquby menghimpunkan tokoh Syariah utama dan wakil industri bagi membincangkan secara mendalam metodologi saringan Syariah Malaysia serta isu-isu Syariah baharu yang sedang muncul.



Shariah Mentorship Connect 2025

Shariah Mentorship Connect 2025, yang diadakan pada 13 Oktober 2025 dengan kerjasama Standard Chartered Saadiq, telah mengukuhkan lagi libat urus global-lokal melalui pemerksaan kerjasama antara sarjana Syariah terkemuka dan bakat Syariah baharu di Malaysia. Inisiatif ini memupuk pembelajaran rentas generasi dan pertukaran profesional, sekali gus menegaskan komitmen SC dalam membangunkan barisan pemimpin Syariah masa hadapan.

Sesi tertutup ini menghimpunkan Sarjana Syariah global Standard Chartered Saadiq untuk berkongsi pengalaman mereka bersama lebih 30 peserta Program Shariah Mentorship (SMP) anjuran SC, sebuah program utama yang dilancarkan pada tahun 2023 (setakat ini, tiga kohort telah menamatkan program ini). Antara sarjana tersohor yang hadir termasuk Sheikh Nizam Mohammed Yaquby, Dr. Mohamed Ali Elgari, Profesor Dato’ Dr. Aznan Hasan, Dr. Ahcene Lahsasna dan Mufti Muhammad Abdul Mubeen, bersama tokoh-tokoh lain.

Memacu Inovasi dan Inklusiviti Kewangan Islam melalui Pendigitalan di bawah FIKRA ACE

FIKRA ACE terus berperanan sebagai inisiatif utama SC dalam memacu inovasi fintech Islam dan memupuk pasaran modal yang lebih inklusif. Inisiatif FIKRA ACE berteraskan tiga tonggak strategik: FIKRA Accelerator, FIKRA Excel, dan FIKRA Circle. Ketiga-tiga tonggak ini bertujuan memacu pembangunan inovasi, pembinaan bakat dan kerjasama ekosistem bagi menyokong pertumbuhan mampan dalam fintech Islam. Pada tahun 2025, FIKRA ACE telah memperkukuh kerjasama serantau dan memperdalam penglibatan pasaran melalui pelaksanaan siri inisiatif berimpak tinggi.

FIKRA Accelerator

Di bawah FIKRA Accelerator 2025, program ini telah menerajui agenda fintech Islam di Minggu MyFintech (MyFW) 2025, yang berlangsung dari 4 hingga 7 Ogos 2025 di Sasana Kijang. Sebagai acara utama Malaysia dalam bidang kewangan dan inovasi, MyFW dianjurkan bersama oleh BNM, SC, Asian Institute of Chartered Bankers (AICB), Persatuan Fintech Malaysia (FAOM) dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC). FIKRA Accelerator menampilkan sesi panel yang mencabar pemikiran bertajuk “The Social Exchange – Empowering Impact Projects through Tech” serta bengkel interaktif “Maqasid al-Shariah x Islamic Fintech – Linking Purpose with Impact”. Perbincangan ini meneroka bagaimana teknologi dan inovasi yang selaras dengan Maqasid dapat memacu inklusiviti dan kemampuan yang bermakna melalui penggunaan teknologi dan pendigitalan dalam ICM.

FIKRA Excel

Menerusi FIKRA Excel, SC telah bekerjasama dengan Universiti Malaya (UM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) untuk menganjurkan dua hackathon utama, iaitu UMHackathon 2025 dan VHack 2025. Kedua-dua acara ini melibatkan lebih 1,500 pelajar dari universiti tempatan dan antarabangsa, menjadikannya masing-masing sebagai hackathon terbesar dan kedua terbesar di Malaysia bagi tahun tersebut. Para peserta membangunkan penyelesaian teknologi kewangan yang menangani cabaran dunia sebenar dalam kewangan sosial Islam, pendigitalan amal serta keterangkuman kewangan.

FIKRA Circle

FIKRA Circle telah memperluas jangkauan rentas sempadannya di Indonesia melalui Meja Bulat FIKRAtech Jakarta 2025, berasaskan kejayaan edisi London pada tahun 2023 dan 2024. Dengan kerjasama MDEC dan sokongan Islamic Finance News (IFN), meja bulat ini menghimpunkan 50 peserta utama dari Malaysia dan Indonesia, termasuk pengawal selia, firma fintech dan wakil modal teroka. Sorotan utama acara ini ialah pemeteraian MoU antara FAOM dan Asosiasi Fintech Syariah Indonesia (AFSI), yang disaksikan oleh SC, Otoritas Jasa Keuangan (OJK) Indonesia dan MDEC.

Sepanjang tempoh tiga tahun pelaksanaannya, FIKRA ACE telah meletakkan penanda aras sebagai pemangkin pembangunan ekosistem fintech Islam yang dipacu pengawalseliaan. Program ini telah menyokong lebih 60 syarikat pemula fintech, termasuk alumni yang diiktiraf



di peringkat antarabangsa seperti MADCash, GoBarakah dan Global Psytech; melibatkan lebih 2,400 pelajar daripada 100 universiti di seluruh dunia; serta memudahcara hubungan fintech dua hala baharu antara Malaysia dan pasaran serantau, khususnya United Kingdom dan Indonesia. Dengan berakhirnya inisiatif ini, SC akan membina kejayaan dan pengajaran yang diperoleh untuk merangka pendekatan baharu bagi strategi dan inisiatif fintech Islam di bawah CMP – satu pendekatan yang menguatkan impak, memperluas inovasi dan memperkukuh cadangan nilai ICM ke arah mewujudkan pasaran modal yang lebih dinamik, inklusif dan berteraskan tujuan.

Meluaskan Jejak Global Malaysia dalam Kewangan Islam

Sebagai sebahagian daripada agenda pengantarabangsaaan, SC telah mempergiat usaha untuk memperkukuh keterhubungan global Malaysia dan menguatkan hubungan pasaran modal rentas sempadan. Pada tahun 2025, Program Malaysia-Oman Engagement Outreach yang diadakan di Muscat menandakan langkah penting dalam mengukuhkan penglibatan strategik Malaysia di peringkat global, bermula dengan rantau GCC. Menerusi dialog peringkat tinggi dan forum perniagaan yang disasarkan, program ini mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pasaran yang berdaya tahan, berteraskan tadbir urus Syariah dan pintu masuk yang diyakini ke ASEAN, disokong oleh tadbir urus yang kukuh, inovasi serta ekosistem ICM yang matang.



IFN Oman Forum 2025 dan Forum Perniagaan SC-IFN Sulung

Pada IFN Oman Forum 2025, Pengerusi SC, Dato’ Mohammad Faiz Azmi, telah menyampaikan ucaptama yang menekankan peranan penting kewangan Islam dalam menangani cabaran global melalui tindakan iklim, keterangkuman digital dan inovasi Islam. Forum tersebut diikuti dengan Forum Bisnes SC-IFN sulung, yang menghimpunkan lebih 150 pengawal selia, perantara pasaran, syarikat korporat dan pelabur. Syarikat korporat Malaysia mempamerkan prospek pelaburan yang sejajar dengan Oman Vision 2040, meliputi agrobisnes, tenaga boleh baharu dan infrastruktur pintar. Forum ini turut meletakkan asas bagi kerjasama masa hadapan dalam penyenaiaan dwipasaran, keterhubungan sukuk dan pendapatan tetap, serta inovasi berkaitan kemampunan.

Dialog Pelaburan Malaysia-Oman

Acara utama kedua, Dialog Pelaburan Malaysia-Oman, telah menghimpunkan 75 wakil daripada pengawal selia, pejabat keluarga, pelabur bernilai tinggi ultra, pengurus dana dan syarikat korporat bagi perbincangan tertumpu mengenai peluang pelaburan dan fasilitasi pengawalseliaan. Pembentangan oleh Standard Chartered Bank Oman, Bursa Malaysia dan SC menonjolkan bagaimana ekosistem pasaran modal Islam Malaysia serta keterhubungan ASEAN dapat menterjemahkan keutamaan Oman Vision 2040 kepada pelaburan yang boleh dilaksanakan, khususnya dalam peralihan tenaga, logistik, agrobisnes, hartanah dan infrastruktur pintar. Dialog ini telah memupuk hubungan bermakna antara pelabur dan penerbit, meningkatkan kesedaran mengenai rangka kerja SFO Malaysia serta mengukuhkan saluran bagi pelaburan bersama yang berstruktur antara Malaysia dan GCC, sekali gus mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pintu masuk bagi kewangan Islam dan pelaburan mampan.



MEMBINA KETELUSAN, KEPERCAYAAN DAN PERUBAHAN MAMPAN UNTUK MALAYSIA

Menggerakkan Sumber ke Arah Impak Sosial yang Bermakna

Dengan pelancaran SEPP25, SC telah menganjurkan lima sesi perkongsian pengetahuan untuk komuniti NPO yang lebih luas. Sesi-sesi ini merangkumi topik asas seperti tadbir urus organisasi, kawalan dalaman, serta pemupukan pengurusan data bagi penyampaian naratif yang lebih berkesan. Penceramah jemputan termasuk pemimpin dari Yayasan MySDG, Khazanah Nasional, Yayasan Chow Kit, Global Environment Centre dan Thoughts In Gear. Bersempena kerjasama dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA), SC turut menganjurkan dua sesi tambahan – satu sesi libat urus tertutup bersama rakan perintis SEPP25 dan NPO terpilih, serta satu sesi awam untuk komuniti yang lebih luas. Topik yang dibincangkan meliputi penyimpanan kira-kira, tadbir urus dan perkara berkaitan percukaian.

Libat urus ini turut menjana data penting bagi menyokong pembangunan Garis Panduan SEP, yang telah diterbitkan pada 19 September 2025. Bagi melengkapkan usaha tersebut, SC telah menjalankan kaji selidik, dan maklum balas yang diterima memberikan maklumat kritikal mengenai keadaan semasa NPO, termasuk cabaran utama dan jurang kapasiti. Dapatan ini mengukuhkan lagi kepentingan peranan SC dalam memacu pembangunan institusi serta menekankan keperluan untuk melengkapkan NPO dengan keupayaan tadbir urus, pematuhan dan pelaporan yang lebih kukuh menjelang pelancaran Bursa Sosial.

Seiring itu, SC turut melaksanakan libat urus strategik dengan pihak berkepentingan ekosistem utama, termasuk MOF, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), MIA, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS), Bank Dunia India serta yayasan dan pemberi dana utama. Libat urus ini memainkan peranan penting dalam memaklumkan rangka kerja dan persediaan pelancaran Bursa Sosial pertama Malaysia – satu inisiatif bersejarah yang bertujuan memperkukuh ekosistem kewangan sosial dan memajukan agenda kemampunan negara.

Memperkukuh Kerjasama Rentas Agensi dalam Tadbir Urus Risiko dan Ketahanan Pasaran

SC turut mempergiat kerjasama rapat dengan BNM melalui pelbagai platform berfokus yang bertujuan

memperkukuh penyeliaan bersama serta meningkatkan kesiapsiagaan risiko merentasi sistem kewangan. Libat urus ini melengkapkan kerja makro SC di bawah MRFG dan menyokong penyelarasan yang lebih mendalam terhadap risiko merentasi fungsi, daya tahan operasi serta kerentanan baharu yang sedang muncul. Dalam kerangka kerjasama yang lebih luas ini, SC dan BNM turut mengadakan sesi dua hala khusus bagi memajukan keutamaan bersama dalam pengurusan risiko dan penjajaran kawal selia.

BNM telah mengadakan lawatan ke SC pada 19 Jun 2025, menyediakan platform bagi kedua-dua organisasi untuk berinteraksi dalam dialog berfokus mengenai pengurusan risiko organisasi dan daya tahan operasi.

Sepanjang sesi tersebut, kedua-dua organisasi membincangkan keutamaan utama termasuk penambahbaikan tadbir urus risiko, pengukuhan daya tahan organisasi serta pematapan budaya risiko dalam institusi masing-masing. Perbincangan turut merangkumi bidang kritikal seperti keselamatan data, penerapan teknologi, rangka kerja tadbir urus, pembangunan bakat serta pengintegrasian risiko baharu muncul ke dalam amalan organisasi. Sesi tersebut diakhiri dengan komitmen bersama untuk meneruskan kerjasama dan perkongsian pengetahuan, sekali gus mengukuhkan peranan SC dalam memacu penyelarasan kawal selia dan menyokong kestabilan jangka panjang sistem kewangan Malaysia.



Wawasan Strategik Meja Bulat ERM

SC telah menyertai Meja Bulat Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) anjuran BNM pada 8 Oktober 2025, sekali gus memperlihatkan komitmen SC untuk memperkukuh pengurusan risiko melalui libat urus yang berfokus dan kolaboratif. Wakil kanan daripada fungsi Pengurusan Risiko SC turut bersama pengawal selia dan pengamal industri dalam satu program separuh hari yang berstruktur, berteraskan perlindungan data, daya tahan operasi dan penjajaran risiko strategik.

- Sesi pembukaan meja bulat memberi tumpuan kepada penyelesaian teknologi bagi privasi dan perlindungan data, dengan para peserta meneliti

amalan terbaik untuk melindungi data pelanggan, mengurangkan risiko privasi dan memenuhi jangkaan kawal selia dalam persekitaran digital yang semakin berkembang. Sesi ini menegaskan kepentingan tadbir urus data yang mantap serta mitigasi risiko secara proaktif.

- Bidang perbincangan kedua menumpukan kepada pengintegrasian pengurusan kesinambungan perniagaan (BCM) dengan daya tahan operasi, dengan menyoroti keperluan strategi adaptif bagi memastikan kesinambungan operasi kritikal semasa gangguan.
- Sesi terakhir memberi tumpuan kepada penjajaran pengurusan risiko organisasi dengan strategi organisasi, menekankan kepentingan mengarusperdanakan pertimbangan risiko dalam proses perancangan dan pembuatan keputusan.

Melalui penyertaannya, SC mengukuhkan komitmennya terhadap integriti kawal selia, daya tahan operasi dan penambahbaikan berterusan dalam amalan pengurusan risikonya. Libat urus ini diakhiri dengan komitmen bersama dalam kalangan peserta untuk meneruskan kerjasama dan perkongsian pengetahuan bagi memperkukuh kestabilan sektor kewangan Malaysia.

Lawatan Kerja SC-Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia mengenai Tadbir Urus Risiko, Pengurusan Integriti dan Rangka Kerja Daya Tahan

Pada 16 Disember 2025, Jabatan Pengurusan Risiko telah menerima lawatan kerja daripada Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Program tersebut merangkumi pembentangan terperinci mengenai pengurusan risiko organisasi, pengurusan kesinambungan perniagaan serta keselamatan, kesihatan dan alam sekitar di tempat kerja, diikuti dengan sesi khusus mengenai pengurusan pemberi maklumat. Sesi perkongsian ini menyediakan ruang untuk idea baharu dan rujukan bagi menilai serta merancang kesesuaian pelaksanaan Pengurusan Risiko Organisasi. Kedua-dua organisasi turut menekankan manfaat kerjasama dan pertukaran pengetahuan.



Memperkukuh Kolaborasi Pihak Berkepentingan bagi Kewangan Mampan

Pada tahun 2025, SC terus mempertingkatkan libat urus pihak berkepentingan melalui Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (JC3), serta platform di peringkat antarabangsa dan kebangsaan bagi memajukan agenda kewangan mampan Malaysia.

Libat Urus dan Mesyuarat Pleno JC3

Pada tahun 2025, JC3 telah mengadakan dua mesyuarat pleno bagi memacu kerjasama antara pengawal selia dan industri untuk memperkukuh daya tahan iklim dalam sektor kewangan Malaysia.

Mesyuarat Pleno JC3 ke-14 yang diadakan pada 22 Januari 2025 mengukuhkan komitmen JC3 untuk membina daya tahan iklim melalui tiga keutamaan strategik: menangani cabaran data, memudah cara peralihan PKS serta mereka bentuk penyelesaian pembiayaan iklim dengan tumpuan kepada sektor yang sejajar dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan NIMP.

Salah satu hasil utama ialah penerbitan Buku Panduan Permohonan bagi Penerbitan Sukuk Berkaitan SRI dan Bon Berkaitan Kemampanan untuk Pasaran Modal Malaysia, yang dibangunkan di bawah Jawatankuasa Kecil 4 JC3 dengan sokongan RAM Sustainability. Buku panduan ini menyediakan panduan jelas dan langkah praktikal bagi penerbitan instrumen pendapatan tetap berasaskan kemampanan. Bagi meningkatkan kegunaannya serta menggalakkan penerimaan, SC telah mengadakan sesi libat urus yang disasarkan dengan kerjasama Jawatankuasa Kecil Libat Urus dan Pembangunan Kapasiti JC3. Sesi-sesi ini melibatkan bakal penerbit dan penasihat, sekali gus mengukuhkan kesiapsiagaan pasaran terhadap instrumen pendapatan tetap berasaskan kemampanan serta menggalakkan penyertaan lebih meluas dalam kewangan mampan.

Mesyuarat Pleno JC3 ke-15 yang diadakan pada 7 Ogos 2025 telah menerima sembilan institusi ahli baharu, termasuk tiga entiti pengurusan aset. Satu hasil utama ialah pengumuman pembangunan Taksonomi Malaysia

bagi Kewangan Mampan, iaitu satu taksonomi nasional bersepadu yang direka untuk diselaraskan dengan Taksonomi ASEAN bagi Kewangan Mampan. Taksonomi ini akan menggabungkan kriteria saringan teknikal berasaskan sains serta mengintegrasikan ambang kuantitatif bagi meningkatkan ketepatan dan kualiti penilaian.

Bagi memudahkan penerimaan NSRF, JC3 sedang meneroka pembangunan dokumen panduan atau kes penggunaan untuk sektor kewangan bagi membantu institusi kewangan memenuhi jangkaan pendedahan NSRF.

Jawatankuasa dan Organisasi Antarabangsa

SC terus menerajui serta terlibat secara aktif dalam pelbagai forum dan pasukan petugas antarabangsa:

- **Pasukan Petugas Kemampanan Forum Pengawal Selia Pasaran Modal COMCEC (COMCEC STF)**

SC mempengerusikan Pasukan Petugas Kemampanan (STF) di bawah Forum Pengawal Selia Pasaran Modal bagi Jawatankuasa Tetap Kerjasama Ekonomi dan Komersial Pertubuhan Kerjasama Islam (COMCEC CMR Forum), yang ditubuhkan pada tahun 2024 sebagai platform bagi pengawal selia pasaran modal untuk bekerjasama dan mengenal pasti pemacu bersama bagi kewangan mampan serta pelaporan kemampanan.

Susulan kaji selidik garis dasar 2024 yang menilai tahap ekosistem kewangan mampan dalam kalangan ahli, COMCEC STF telah menganjurkan dua sesi pembangunan keupayaan mengenai instrumen pendapatan tetap mampan dan pelaksanaan Piawaian ISSB.

- **Pasukan Petugas Kewangan Mampan (STF) IOSCO**

SC juga merupakan ahli Pasukan Petugas Kewangan Mampan IOSCO (STF), yang memacu kerja dasar berkaitan kemampanan dalam pasaran modal. Pada tahun 2025, aliran kerja Inovasi Kewangan Hijau STF IOSCO meneliti ciri-ciri dan arah aliran utama produk hijau serta mencadangkan pertimbangan pengawalseliaan. Baru-baru ini, SC telah menyumbang kepada

draf dua Laporan IOSCO, iaitu Laporan Bon Mampan dan Laporan Penanda Aras ESG.

- **Program Kewangan Islam Global (GIFP)**

SC berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Penasihat Program Kewangan Islam Global (GIFP) bagi Perubahan Iklim, Alam Sekitar dan Pembangunan, yang bertujuan menggerakkan modal Islam melalui penyelesaian kewangan bercampur bagi menyokong penyelesaian berasaskan alam semula jadi.

Bengkel dan Sidang Kemuncak Serantau

Perbincangan Meja Bulat Keempat Dialog Kewangan Iklim Asia ADBI-ADB

Dari 11 hingga 12 Mac 2025, SC mewakili Malaysia dalam Dialog Kewangan Iklim Asia anjuran Institut Bank Pembangunan Asia-Bank Pembangunan Asia (ADB-ADB) di Tokyo, Jepun, yang menonjolkan usaha Malaysia dalam mengurus risiko berkaitan iklim melalui dasar dan strategi nasional, sejajar dengan kemajuan menuju Net Zero menjelang tahun 2050. Pembentangan tersebut menggambarkan peranan SC dalam memperkembangkan kewangan mampan melalui penerbitan SRI-Sukuk dan Rangka Kerja SRI-Sukuk Berkaitan, serta inisiatif utama lain yang berkaitan dengan NSRF dan pasaran karbon.

Sidang Kemuncak Pasaran Karbon Antarabangsa dan Perbincangan Meja Bulat Tertutup mengenai Pasaran Karbon Sukarela

Sebagai pelengkap kepada usaha kami mengenai Pasaran Karbon Sukarela di rantau ASEAN, SC telah menyampaikan ucapan di Sidang Kemuncak Pasaran Karbon Antarabangsa dan Perbincangan Meja Bulat Tertutup mengenai Pasaran Karbon Sukarela, yang diadakan pada 15 April 2025 di Hong Kong. Sidang kemuncak tersebut meneliti peranan pembuat dasar, pengawal selia kewangan, platform dagangan, perantara pasaran, dan penyedia penyelesaian teknologi dalam memperluas pasaran karbon berintegriti tinggi serta dagangan rentas sempadan di Asia Pasifik dan seterusnya. Perbincangan meja bulat tertutup bagi pengawalseliaan juga telah diadakan semasa sidang kemuncak, melibatkan pembuat dasar, pengawal selia kewangan, dan platform dagangan yang berkaitan.

Bengkel Serantau mengenai Penerbitan Bon Hijau dan Bon Berkaitan Kemampuan Sektor Awam dan Swasta: Pengajaran daripada ASEAN

Bagi mengukuhkan profil antarabangsa Malaysia dalam kewangan mampan, SC telah menyampaikan ucapan di Bengkel Serantau mengenai Penerbitan Bon Hijau dan Bon Berkaitan Kemampuan Sektor Awam dan Swasta: Pengajaran daripada ASEAN, yang diadakan di Ulaanbaatar, Mongolia, dari 19 hingga 20 Mei 2025. SC turut berkongsi mengenai perjalanan ASEAN dalam membangunkan Piawaian Bon Berkaitan Kemampuan ASEAN (SLB), serta bagaimana alat serantau pelengkap seperti Taksonomi ASEAN dan Panduan Kewangan Peralihan ASEAN dapat menyokong laluan peralihan yang kredibel dan berasaskan hasil di seluruh rantau. SC juga menonjolkan penyelarasan rangka kerja nasional Malaysia dengan piawaian antarabangsa dan serantau.

Bagi memperkukuhkan kepimpinan pemikiran berkaitan kemampuan, SC terus terlibat secara aktif dengan organisasi antarabangsa seperti Bank Dunia, Bloomberg, dan Inisiatif Bon Iklim. Keterlibatan ini menumpukan pada keutamaan utama, arah aliran, dan prospek masa depan seperti pengembangan pasaran karbon global/serantau, penyesuaian dan daya tahan iklim, pendedahan berkaitan iklim, dan peningkatan ketersediaan data iklim. Keterlibatan sedemikian memastikan inisiatif pasaran modal Malaysia kekal dipandu oleh perkembangan global dan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.

Kumpulan Kerja Teknikal di Peringkat Nasional

SC secara aktif menyumbang kepada inisiatif yang diterajui oleh Kementerian dan bekerjasama rapat dengan Kementerian serta agensi berkaitan bagi memastikan input pasaran modal diambil kira dalam pembangunan dasar kemampuan negara. Sebagai ahli Jawatankuasa Pemandu dan Kumpulan Kerja Teknikal Kerjasama untuk Pelaksanaan Pasaran, SC memberikan maklum balas kepada MOF dan Bank Dunia mengenai rangka kerja dasar dan reka bentuk pasaran bagi mekanisme penetapan harga karbon yang berpotensi.

Selain itu, SC berkhidmat sebagai ahli jawatankuasa teknikal untuk kedua-dua 'Rang Undang-undang Perubahan Iklim Negara' (RUUPIN)¹ dan 'Kajian Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan' (KDKK)², menyediakan input berkaitan untuk pemuktamadan dasar-dasar ini di bawah seliaan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES).

¹ National Climate Change Act.

² National Carbon Market Policy.

Di luar peranan ini, SC turut memberikan pandangan mengenai beberapa inisiatif strategik, termasuk:

- Pelan Tindakan Strategik Perubahan Iklim ASEAN 2035 yang diterajui oleh NRES;
- Pelan Strategik ESG Kebangsaan dan Rangka Kerja Ekonomi Pekeliling yang diterajui oleh Kementerian Ekonomi; serta
- Rangka Kerja Penyesuaian Iklim bagi Sektor Air oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air.

Lawatan Kajian ke Chitose Carbon Capture Central, Sarawak

Satu lawatan kajian telah diadakan ke Chitose Carbon Capture Central (C4) Sarawak di Kampung Geobilt, Kuching, sebagai sebahagian daripada program Majlis Penasihat Syariah (SAC) SC sempena mesyuarat luar tapak strategik SC, dengan penyertaan wakil daripada Jabatan Alam Sekitar SC. Lawatan ini bertujuan memperoleh pemahaman mendalam mengenai kemudahan pengeluaran mikroalga berskala industri yang pertama di Malaysia, yang menangkap pelepasan karbon dioksida (CO²) daripada loji jana kuasa arang batu untuk penanaman biomas mikroalga bagi penghasilan biofuel serta produk bernilai tinggi lain.



Libat Urus dengan Pihak Berkepentingan Tadbir Urus Korporat

SC terus bekerjasama secara aktif dengan pihak berkepentingan utama bagi menggalakkan amalan terbaik serta memperkukuh keberkesanan ekosistem tadbir urus korporat Malaysia. Pada tahun 2025, SC telah mengadakan lebih 60 sesi libat urus bersama pengawal selia, pelabur institusi, badan profesional dan peserta pasaran bagi memperkukuh kebertanggungjawaban tadbir urus, memupuk disiplin pasaran, serta memastikan penjarangan dengan jangkaan kemampanan dan tadbir urus yang semakin berkembang.

Majlis Tadbir Urus Korporat

Dipengerusikan oleh SC, Majlis Tadbir Urus Korporat (Majlis CG) berfungsi sebagai platform strategik bagi perbincangan dan penyelarasan mengenai hal ehwal tadbir urus korporat. Majlis ini dianggotai oleh wakil pengawal selia, persatuan industri, pelabur institusi serta peserta pasaran lain, dan menyediakan forum untuk membincangkan perkembangan dasar, isu semasa dan keutamaan utama dalam memperkukuh landskap tadbir urus korporat Malaysia.

Majlis CG memberi tumpuan kepada semakan akan datang Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG), menilai arah aliran penerimaan, serta meneroka peluang untuk terus meningkatkan amalan tadbir urus dalam kalangan syarikat tersenarai. Majlis ini juga membincangkan cabaran tadbir urus yang semakin berkembang, termasuk integrasi kemampanan, kepelbagaian lembaga, jangkaan pengawasan dan penciptaan nilai jangka panjang, bagi memastikan rangka kerja tadbir urus korporat Malaysia kekal progresif, relevan dan mantap.

Libat Urus dengan Pelabur Institusi

SC meneruskan penglibatan aktifnya dengan Majlis Pelabur Institusi serta ahli-ahlinya. Dialog berkala diadakan bagi memahami perkembangan pendekatan pengawasan dan menggalakkan usaha advokasi yang berterusan untuk memperkukuh disiplin pasaran, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam amalan korporat. Melalui libat urus ini, SC berusaha meningkatkan penjarangan antara jangkaan pengawalseliaan dan amalan pengawasan, sekali gus memperkukuh peranan pelabur institusi sebagai ejen utama tadbir urus yang baik dalam pasaran modal Malaysia.

Libat Urus dengan Pemegang Berkepentingan Utama Lain

SC meneruskan kerjasama rapat dengan Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM) dan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) bagi memperkukuh ekosistem tadbir urus korporat (CG) Malaysia. Melalui kerjasama dengan ICDM, usaha tertumpu kepada peningkatan profesionalisme pengarah, pengukuhan keberkesanan lembaga, serta pembinaan saluran bakat lembaga yang pelbagai dan mampan. Selain itu, kerjasama dengan MSWG telah menyediakan pandangan berharga daripada pemegang saham minoriti, sekali gus memastikan perspektif mereka diambil kira dalam penggubalan dasar CG dan inisiatif pasaran.

Libat Urus dengan Pemimpin Korporat bagi Memperkukuh Tatakelakuan dan Memacu Penciptaan Nilai

Berdasarkan libat urus berterusan dengan pemegang kepentingan tadbir urus korporat (CG) utama, SC meneruskan libat urus dengan pemimpin korporat melalui dialog bersasar yang bertujuan memperkukuh amalan tadbir urus serta menyokong pembangunan mampan pasaran modal Malaysia.

Pada 7 Mac 2025, SC telah mengadakan satu sesi dialog bersama Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan bagi membincangkan strategi untuk menggalakkan kepelbagaian gender dalam lembaga korporat. Inisiatif ini menyokong komitmen Kerajaan di bawah Belanjawan 2025 agar 100 syarikat tersenarai teratas mencapai sekurang-kurangnya 30% perwakilan wanita dalam lembaga menjelang tahun 2027. Sesi tersebut telah memberikan pandangan berharga mengenai cabaran semasa serta menonjolkan kewujudan saluran bakat wanita yang kukuh dan bersedia untuk dilantik ke lembaga, dengan input daripada 30% Club Malaysia dan Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM).



Susulan itu, pada 8 Ogos 2025, SC telah mengadakan satu sesi dialog bersama Pengerusi beberapa syarikat tersenarai awam terpilih bagi bertukar pandangan mengenai kaedah untuk meningkatkan kerancakan pasaran, daya saing dan pertumbuhan jangka panjang. Sesi tersebut mengumpulkan maklum balas bagi menyokong perumusan Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) SC, serta menekankan kepentingan penciptaan nilai jangka panjang, ketelusan, kemampuan dan amalan imbuhan yang seimbang dalam memperkukuh prestasi pasaran. Melalui libat urus ini, SC menegaskan semula komitmennya untuk memajukan tadbir urus yang kukuh, keterangkuman dan pertumbuhan pasaran yang mampan, dengan kerjasama rapat bersama peserta industri bagi membina pasaran modal yang berdaya tahan dan berdaya saing.

Penyertaan dalam Mesyuarat Serantau dan Antarabangsa

Di peringkat serantau dan antarabangsa, SC telah menyumbang secara aktif dalam membentuk piawaian tadbir urus korporat (CG) global dan serantau.

Melalui penyertaan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Korporat OECD pada April dan Oktober 2025, SC telah membantu memajukan perbincangan mengenai arah aliran baharu serta implikasinya terhadap rangka kerja CG, di samping memastikan perspektif dan pengalaman kawal selia Malaysia diwakili dalam pembentukan penanda aras global tersebut.

Selain itu, SC turut berinteraksi dengan Persatuan Tadbir Urus Korporat Asia (ACGA) bagi bertukar pandangan mengenai perkembangan CG di rantau ini. ACGA juga berperanan sebagai platform penting untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan dan pelabur institusi, sekali gus menyokong perbincangan dasar yang lebih inklusif dan bermaklumat.

Pada 24 November 2025, SC bersama Bursa Malaysia telah menyertai satu sesi perbincangan meja bulat tertutup dengan ACGA dan ahli pelaburnya bagi membincangkan inisiatif kawal selia dan CG yang dirancang di Malaysia, serta untuk mendapatkan pandangan mengenai jangkaan pelabur dan amalan pengawasan.

LIBAT URUS EKOSISTEM FINTECH

Malaysia Co-investment Fund (MyCIF)

Pengenalan MyCIF Advocacy Fund

Malaysia Co-Investment Fund (MyCIF) telah memperuntukkan sebuah dana advokasi bagi menampung kos pelaksanaan inisiatif jangkauan dan advokasi oleh pengendali platform pembiayaan pendanaan ekuiti ramai (ECF) dan pembiayaan antara rakan setara (P2P). Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap ECF dan P2P, di samping memperluas akses kepada pembiayaan bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta syarikat peringkat pertengahan (MTC).

Inisiatif ini akan dilaksanakan selama dua tahun (2025–2026) atau sehingga peruntukan dana digunakan sepenuhnya, yang mana lebih awal. Projek yang layak dibahagikan kepada dua kategori, iaitu projek mikro dengan had pembiayaan sehingga RM10,000 bagi setiap projek dan projek makro dengan had pembiayaan sehingga RM100,000 bagi setiap projek. Semua penerima dana dikehendaki mengemukakan laporan bagi memastikan akauntabiliti serta penggunaan dana yang sewajarnya.

Pada tahun 2025, MyCIF Advocacy Fund telah menyokong lima program jangkauan yang diterajui atau disertai oleh pengendali platform ECF dan P2P, yang menjangkau hampir 600 peserta.

MyCIF Roadshows

Selain menyokong usaha jangkauan yang diterajui industri melalui MyCIF Advocacy Fund, beberapa siri jelajah di seluruh negara turut dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran mengenai MyCIF, ECF dan P2P sebagai saluran pembiayaan alternatif bagi PMKS.

MyCIF National Roadshow yang juling kali telah diadakan di Pulau Pinang pada 18 Februari 2025 dan dianjurkan oleh SC dengan kerjasama Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) di bawah tema



menjalinkan rangkaian dengan pengendali platform ECF dan P2P serta agensi kerajaan melalui sesi bersasar dan pameran yang direka bentuk bagi menangani keperluan pengumpulan dana PMKS melalui penyelesaian pembiayaan alternatif.

Jerayawara kedua telah diadakan di Sabah pada 31 Julai 2025 dengan sokongan Invest Sabah sebagai rakan serantau. Bekas Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Negeri, Datuk Phoong Jin Zhe, telah merasmikan program sehari bertemakan Empowering Financing, Advancing Growth yang berlangsung di Kota Kinabalu. Program tersebut merangkumi sesi jaringan, perbincangan kumpulan kecil dan reruai pameran yang membolehkan peserta berinteraksi dengan pengendali platform ECF dan P2P serta mendengar secara langsung kisah kejayaan syarikat yang menerima pembiayaan melalui MyCIF. Kira-kira 300 wakil daripada persatuan perniagaan, agensi kerajaan, firma modal teroka, firma ekuiti persendirian dan PMKS telah menghadiri program ini.

Susulan penganjuran kedua-dua jerayawara tersebut, sebanyak 47 kempen telah berjaya mengumpul sejumlah RM74 juta melalui platform ECF dan P2P.



GROW: Menyokong Agenda Nasional Keterjaminan Makanan melalui Pembiayaan Alternatif

Memperkukuh Kerjasama Strategik bagi Agenda Keterjaminan Makanan Negara

SC meneruskan usaha memupuk kerjasama strategik di bawah Jawatankuasa Pemandu Pembiayaan-Tani Inovasi Malaysia (MIAF), dengan bekerjasama rapat bersama rakan utama seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Agrobank dan MDEC, bagi memperluas akses kepada pembiayaan alternatif serta teknologi dalam sektor pertanian. Mesyuarat MIAF kedua, yang diadakan pada 4 Mac 2025, memberi tumpuan kepada memajukan inisiatif untuk memperkukuh ekosistem pembiayaan pertanian.



Ahli-ahli MIAF turut menegaskan komitmen untuk memacu usaha libat urus dan pembinaan kapasiti yang lebih terselaras bagi memperkukuh ekosistem pembiayaan pertanian. Ini termasuk sokongan terhadap program yang diterajui oleh SC seperti GROWMatch, serta usaha merapatkan hubungan antara platform pembiayaan ECF dan P2P dengan perniagaan tani berpotensi tinggi. Usaha kerjasama ini bertujuan untuk menjana impak yang lebih besar dengan meluaskan akses kepada penyelesaian pembiayaan inovatif untuk perniagaan tani dan syarikat pemula niaga, selaras dengan agenda keterjaminan makanan negara yang lebih menyeluruh.

GROWMatch 2025

SC meneruskan sokongan terhadap agenda keterjaminan makanan negara melalui GROWMatch, sebuah inisiatif utama yang direka untuk menghubungkan usaha niaga perniagaan tani berpotensi dengan pembiayaan alternatif serta peluang pembangunan perniagaan. Bertemakan “Menangani Cabaran Industri bagi Memperkukuh Keterjaminan Makanan Malaysia melalui Pembiayaan Alternatif”, GROWMatch 2025 telah menarik lebih 70 permohonan. Pada tahun 2025, GROWMatch memperluas bilangan finalis kepada 50 syarikat, berbanding 20 sebelum ini, sekali gus meningkatkan ketampakan program dan

membuka peluang kepada kumpulan perniagaan tani yang lebih pelbagai dari segi geografi.

Program ini disokong oleh rakan strategik utama termasuk Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), MDEC dan Invest Sabah. Rakan-rakan ini menyediakan bimbingan kepakaran kepada peserta bagi menambah baik model perniagaan, meningkatkan kesediaan pelaburan, serta memperluas pendedahan kepada ekosistem pembiayaan alternatif di Malaysia.

Pada tahun 2025, GROWMatch berkembang daripada program berfokuskan pementoran kepada satu platform komprehensif bagi pembinaan kapasiti dan kesedaran pembiayaan alternatif. Aktiviti utama merangkumi Bengkel GROWMatch mengenai pembiayaan alternatif yang diadakan pada 17 Julai 2025, serta bengkel pembinaan kapasiti selama dua hari yang ditaja oleh MDEC dari 28 hingga 29 Ogos 2025, bertujuan melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran untuk meningkatkan kesediaan pelaburan serta mendidik PMKS yang berada pada peringkat awal mengenai peluang pembiayaan alternatif.

Sasaran umum merangkumi golongan belia, pekerja gig, komuniti luar bandar, orang kurang upaya, kumpulan beraskan agama serta pesara. Penglibatan ini meliputi bengkel literasi kewangan dan klinik pelaburan, di samping ceramah kesedaran penipuan serta seminar perancangan persaraan. Inisiatif ini bertujuan memastikan pelbagai segmen masyarakat Malaysia mempunyai akses kepada pengetahuan dan alat pelaburan yang penting bagi membolehkan mereka membuat keputusan kewangan yang lebih bermaklumat, tanpa mengira lokasi, latar belakang atau keadaan masing-masing.

Seiring dengan liputan geografi yang meluas ini, acara utama anjuran SC berperanan sebagai platform utama bagi penglibatan awam berskala besar.

Program Dipacu InvestSmart®

Acara Utama

Program pendidikan pelabur yang menjadi acara utama SC terus memainkan peranan penting sebagai teras strategi jangkauan 2025. Program ini berfungsi sebagai platform komprehensif di mana pelabur boleh mengakses keseluruhan spektrum pendidikan pasaran modal di bawah satu bumbung.



Bersama InvestSmart® @ Pahang 2025 menandakan peluasan strategik SC ke wilayah Pantai Timur, sekali gus mengesahkan komitmen berterusan SC dalam memperluas jangkauan rakyat Malaysia di luar kawasan bandar utama. Dirasmikan oleh Dato’ Mohamad Nizar Dato’ Sri Mohamad Najib, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Perindustrian, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pahang, penganjuran acara ini mencerminkan sokongan padu kerajaan negeri terhadap usaha memperkukuh literasi kewangan, dengan pengiktirafan bahawa komuniti serantau mempunyai keperluan pendidikan kewangan yang berbeza dan memerlukan pendekatan yang lebih setempat.

InvestSmart® Fest 2025 berjaya mencapai rekod kehadiran di Lembah Klang. Lonjakan rekod kehadiran ini mencerminkan reputasi acara yang semakin meningkat dan kesedaran yang tinggi dari pihak awam tentang keselamatan kewangan dalam landskap yang semakin kompleks. Dijadualkan secara strategik bersempena dengan Bulan Literasi Kewangan FEN, acara ini selaras dengan Strategi Kebangsaan Literasi Kewangan 2026–2030 yang baru dilancarkan, khususnya keutamaan untuk menggalakkan pelaburan sebagai pemangkin penciptaan kekayaan. Pendekatan ini memperkukuh peranan kepimpinan SC dalam ekosistem literasi kewangan negara, di samping memanfaatkan tahap kesedaran dan perhatian awam yang tinggi sepanjang tempoh sebulan kempen tersebut.



Merentasi kedua-dua acara, para pengunjung didedahkan kepada spektrum penuh peluang pelaburan dalam pasaran modal, merangkumi instrumen tradisional seperti ekuiti, bon dan unit amanah, serta platform inovatif termasuk Pengurus Pelaburan Digital (DIM) dan DAX. Dengan membentangkan pilihan-pilihan ini bersama konteks kawal selia yang jelas, acara-acara tersebut membantu para pengunjung memahami bahawa peluang pembinaan kekayaan wujud merentasi pelbagai profil risiko dan tahap pelaburan, sekali gus menangkis salah tanggapan bahawa penyertaan dalam pasaran modal memerlukan modal yang besar atau pengetahuan yang tinggi.

Perbincangan panel dan sesi pakar pula merangkumi pelbagai keperluan pelabur, termasuk pelaburan patuh Syariah, inovasi fintech, perancangan persaraan serta mekanisme penyelesaian pertikaian. Topik-topik ini dirangka secara strategik bagi memastikan kerelevanan kepada khalayak serantau dan Lembah Klang, dengan menangani kebimbangan praktikal yang dihadapi rakyat Malaysia dalam membuat keputusan pelaburan.

Zon Anti-Penipuan yang menampilkan inisiatif #JanganKenaScam oleh Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM) dan Persatuan Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM), bersama Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC), telah menyediakan pendidikan praktikal dan berbentuk amali (hands-on) mengenai taktik penipuan. Sementara itu, perkhidmatan **#FinPlan4u** menawarkan sesi perundingan perancangan kewangan secara peribadi melalui kerjasama dengan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM), Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC) dan Persatuan Penasihat Kewangan Malaysia (AFA).



Aktiviti berunsur gamifikasi termasuk permainan pelaburan, kuiz serta cabaran berasaskan reruai telah membantu mengekalkan tahap penglibatan peserta dan menjadikan pembelajaran kewangan lebih mudah didekati. Rekod kehadiran bagi kedua-dua acara tersebut mengesahkan bahawa pendidikan kewangan yang mudah diakses, menarik dan berwibawa terus mendapat sambutan kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia.

Pendekatan Libat Urus Komuniti Bersasar

Walaupun acara-acara utama berjaya menjangkau khalayak awam yang luas, program bersasar telah memastikan penglibatan yang lebih mendalam dengan komuniti tertentu berdepan dengan cabaran kewangan yang unik.

Tenaga Kerja Ekonomi GIG

Menyedari kerentanan kewangan yang unik dalam kalangan tenaga kerja ekonomi gig yang semakin berkembang di Malaysia, InvestSmart® telah bekerjasama dengan Grab bagi menyampaikan pendidikan pelabur di empat pusat Grab utama di Kuala Lumpur, Melaka, Johor Bahru dan Ipoh. Setiap sesi telah menampilkan penceramah daripada pengantara berlesen yang berkongsi gambaran menyeluruh mengenai perjalanan pelaburan mereka, manakala InvestSmart® memberi penekanan terhadap isu penipuan pelaburan serta aktiviti tidak berlesen.



Orang Kurang Upaya (OKU)

InvestSmart® telah menggunakan pendekatan pembelajaran digital dan berasaskan pengalaman bagi mendekati golongan orang kurang upaya (OKU). Pada 19 Mac 2025, InvestSmart® telah bekerjasama dengan Malaysia Independent Living Association for Disabled (MILAD) untuk menganjurkan sebuah webinar bertajuk 'Investment Scams: Learn How', sekali gus memastikan kebolehcapaian digital agar para peserta dapat mengikuti sesi pembelajaran dengan selamat dari

kediaman masing-masing. Sebagai kesinambungan kepada inisiatif tersebut, satu sesi bersejua telah diadakan pada 24 Mei 2025 dengan kerjasama Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB) yang menggabungkan pendekatan pembentangan ‘Silap Labur Duit Lebur’³ yang disertakan dengan latihan lakonan semula peranan secara interaktif, di mana para peserta memainkan peranan sebagai penipu dan mangsa, bagi meningkatkan kefahaman terhadap taktik manipulasi. Pendekatan ini menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan pengalaman adalah lebih berkesan dalam meningkatkan kesedaran terhadap penipuan berbanding penyampaian maklumat secara pasif.



Komuniti Luar Bandar

Fasa 2 bagi program **Agan Bijak Labur Desa (ABJAD)**, yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), telah berjaya diselesaikan menjelang Oktober 2025.

Sebanyak **44 buah sekolah menengah** di luar bandar telah mengambil bahagian di seluruh negara

Pelajar dan guru berperanan sebagai ‘Ejen Perubahan’, dalam melengkapkan modul literasi kewangan dan digital melalui platform e-pembelajaran sebelum membimbing ahli keluarga mengikuti kurikulum yang sama

Model kaskad ini telah meningkatkan impak program secara berganda, di mana setiap pelajar yang dilatih berpotensi mempengaruhi pelbagai ahli keluarga dan

³ Program Silap Labur Duit Lebur melengkapkan para peserta dengan kemahiran praktikal untuk mengenal pasti taktik penipuan pelaburan yang lazim serta melindungi diri daripada skim penipuan.

mewujudkan perubahan tingkah laku yang berterusan merentasi generasi. Program ini telah dilaksanakan oleh seramai 8,076 pelajar, guru dan dewasa.



Komuniti Keagamaan

Pada 28 April 2025, InvestSmart® telah bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) melalui pendekatan Train-the-Trainer.

Inisiatif ini mencapai kemuncaknya apabila kandungan Silap Labur Duit Lebur daripada InvestSmart® disiarkan dalam khutbah Jumaat pada 3 Oktober 2025, menjangkau jemaah di seluruh negeri Selangor. Dengan bekerjasama bersama pemimpin agama yang telah mempunyai hubungan dan kredibiliti dalam komuniti mereka, pendekatan ini memastikan mesej pendidikan pelabur disampaikan kepada audien yang mungkin bersikap skeptikal terhadap komunikasi kerajaan, terutamanya dalam menangani penipuan pelaburan berunsurkan agama.

Seramai 51 pemegang tauliah berdaftar (pendidik agama berdaftar) dilengkapi dengan kandungan pendidikan pelabur

Para pendidik digalakkan untuk berkongsi kandungan tersebut di platform media sosial serta menerapkan mesej utama ke dalam khutbah, seterusnya mewujudkan jangkauan komuniti yang berterusan



Bagi memastikan keterangkuman dalam semua komuniti beragama, InvestSmart® turut menjalankan kerjasama dengan Majlis Perundingan Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taoisme Malaysia (MCCBCHST), dengan berkongsi bahan pendidikan untuk disebarikan di tempat ibadat masing-masing.

Libat Urus Belia dan Universiti

Salah satu inisiatif penting pada tahun 2025 ialah Program Literasi Kewangan Realiti Terimbuh (Augmented Reality, AR) UnBound Advanced by InvestSmart® x SC, yang menandakan peralihan paradigma dalam cara SC berinteraksi dengan golongan belia *digital-native*.


Kerjasama ini mengintegrasikan penceritaan berkuasa AR dan modul interaktif berasaskan permainan ke dalam sistem pengurusan pembelajaran UnBound di universiti-universiti di seluruh Malaysia. Dengan membolehkan pelajar mengalami senario penipuan dalam persekitaran imersif tanpa risiko, program ini mencapai tahap penglibatan dan pengekalan ilmu yang jauh lebih tinggi berbanding format kuliah tradisional.



Selain program AR, InvestSmart® terus menjalankan aktiviti libat urus tradisional di universiti. Pada 20 Mac 2025, bersempena dengan *Global Money Week* anjuran OECD, InvestSmart® menganjurkan sebuah webinar awam bertajuk ‘*Secure Your Financial Wellbeing – Learn How to Avoid Scams*’, bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia dan pihak awam. Pada 3 November 2025, InvestSmart® menganjurkan webinar Silap Labur Duit Lebur bersama Sekolah Pengurusan, Universiti Sains Malaysia (USM), menjangkau pelajar di luar Lembah Klang.

Fasa Perintis
(Mei-Jun)

Jumlah pencapaian:
2 Universiti,
5 kampus, sejumlah
36,000 pelajar



GLOBAL MONEY WEEK

Suruhanjaya Sekuriti Securities Commission Malaysia

invest smart

SECURE YOUR FINANCIAL WELLBEING

LEARN HOW TO AVOID SCAMS

Siti Sara Taufik
Securities Commission Malaysia

20 MARCH 2025

1:00PM - 2:00PM

LIVE Webinar

SCAN ME

Join this webinar to learn how to spot red flags, avoid common investment scams, and protect your money.

IN SUPPORT OF **FEN**

Selain itu, pada 29 November, Bursa Malaysia menjemput SC untuk memberikan ceramah dalam *Bursa Skwad ANTI-SCAM Bootcamp*, meningkatkan kesedaran dalam kalangan lebih 115 pelajar dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Terengganu.



Libat Urus Digital dan Kempen Media Sosial

Bagi melengkapi program-program di lapangan, platform digital telah memperluas capaian SC secara signifikan.

Media Sosial

InvestSmart® memanfaatkan platform media sosial seperti Facebook, Instagram, X (dahulunya Twitter) dan TikTok untuk menyampaikan kandungan bersaiz ringkas dan mudah diakses berkaitan produk pasaran modal, asas pelaburan serta kesedaran terhadap penipuan. InvestSmart® telah menjangkau lebih 7 juta pengguna, sekali gus menyediakan maklumat kewangan di tengah-tengah kebimbangan yang semakin meningkat mengenai penipuan.

Pelancaran Duit Diaries merupakan inovasi penting bagi tahun 2025. Ia merupakan satu siri kandungan baharu yang direka untuk merungkai kerumitan pelaburan dan menangani persepsi awam yang lazim. Setiap hantaran menggunakan pendekatan pembetulan mitos (myth-busting), dengan mengetengahkan salah faham yang meluas seperti 'Semua pelaburan berisiko tinggi', diikuti dengan penjelasan berasaskan fakta. Pendekatan ini menangani halangan psikologi terhadap penyertaan pelaburan dan membentuk semula persepsi awam melalui penceritaan yang relevan secara berperingkat.



Podcast dan Radio

InvestSmart® telah memperluas capaian digitalnya melalui kerjasama strategik dalam platform podcast. Dengan kerjasama Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM), InvestSmart® telah ditampilkan dalam siri podcast The FIMM Coffee Talk, yang membincangkan taktik penipuan yang lazim, tanda-tanda amaran serta perkongsian pandangan berdasarkan aduan dan pertanyaan yang diterima oleh SC.

Pada 3 November 2025, InvestSmart® melancarkan InvestSmart Podcast, iaitu satu siri yang menampilkan sesi 90 minit bersama wakil pengendali pasaran berdaftar, menggabungkan pandangan pakar dengan panduan praktikal mengenai pelaburan selamat melalui saluran yang sah. Episod sulung bertajuk 'Nak Melabur? Senang je!' memperkenalkan pendengar kepada konsep asas pelaburan serta amalan pelaburan yang selamat.


Selain itu, InvestSmart® telah bekerjasama dengan stesen radio termasuk Selangor FM dan Hot FM bagi menyampaikan mesej utama tentang kesedaran penipuan dan pendidikan pelabur, di samping mempromosikan Bulan Literasi Kewangan anjuran FEN serta pelancaran Strategi Nasional 2.0 (NS 2.0) melalui saluran media tempatan yang dipercayai.

Kerjasama dengan Pahang FM pula telah memperluaskan pendidikan kewangan berasaskan radio ke kawasan luar bandar dan pedalaman yang mempunyai akses digital terhad, selaras dengan pengiktirafan bahawa media penyiaran tradisional kekal penting untuk mendekati golongan masyarakat yang kurang aktif di platform digital.



Komunikasi dan Penerbitan

InvestSmart® telah membangunkan sebuah poster dengan satu halaman penuh untuk edisi khas SUARA Police Administrative and Civilian Staff Union (PACSU) bil. 128, yang diterbitkan bersempena sambutan Hari Polis ke-218. Poster tersebut memaparkan pelbagai jenis penipuan pelaburan, tanda-tanda amaran serta maklumat mengenai alat semakan pelaburan SC. Kandungan pendidikan pelabur ini ditempatkan secara strategik bagi menjangkau pegawai penguatkuasa yang sering berperanan sebagai barisan hadapan dalam menangani aduan penipuan di peringkat komuniti, sekali gus meningkatkan impak penyampaian mesej kesedaran penipuan.



Program Kolaboratif

Impak pendidikan pelabur SC pada tahun 2025 telah diperkukuh secara signifikan melalui kerjasama strategik merentas pelbagai sektor, yang membolehkan peluasan capaian, kepelbagaian kepakaran serta penyampaian program literasi kewangan yang lebih berkesan.

Pembentukan Dasar Literasi Kewangan Nasional

Pada 3 Oktober 2025, Perdana Menteri, Dato’ Seri Anwar Ibrahim, telah melancarkan secara rasmi Strategi Nasional Literasi Kewangan 2026–2030 (NS2.0) dan Bulan Literasi Kewangan (FLM) 2025 di Sasana Kijang. Majlis pelancaran tersebut telah dihadiri oleh Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek; Gabenor Bank Negara Malaysia, Dato’ Sri Abdul Rasheed Ghaffour; Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Dato’ Mohammad Faiz Azmi; serta ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu Antara Agensi Peringkat Tinggi FEN (HLSC), yang mencerminkan komitmen tertinggi Kerajaan dalam memperkukuh literasi kewangan sebagai keutamaan nasional.

Rangka kerja NS2.0 menetapkan hala tuju baharu dalam memperkukuh literasi kewangan, dengan berteraskan asas Strategi Nasional yang pertama bagi tempoh 2019–2023. Berpandukan pengajaran daripada pelaksanaan terdahulu, NS2.0 mengguna pakai pendekatan yang lebih adaptif dalam menangani kepelbagaian segmen sasaran serta cabaran baharu yang dipacu oleh pendigitalan, perubahan ekonomi dan gaya hidup yang semakin berkembang. Strategi ini menggalakkan pendekatan keseluruhan negara (whole-of-nation) bagi melengkapkan rakyat Malaysia dengan keupayaan kewangan yang kukuh demi daya tahan dan kesejahteraan.



Dengan kerjasama ahli-ahli FEN, SC telah menyumbang kepada pembangunan NS2.0 yang merangkumi lima keutamaan strategik berikut:

Lima Fokus Strategik (SP) bagi 2026-2030

<p>SP1 Menggalakkan simpanan dan perancangan kewangan persaraan</p>	<p>SP2 Membantu rakyat mengurus hutang dengan lebih baik dan mengurangkan kerentanan kewangan</p>	<p>SP3 Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perlindungan risiko kewangan masa hadapan</p>	<p>SP4 Memperkukuh literasi digital untuk transaksi yang lebih selamat dan bertanggungjawab</p>	<p>SP5 Mendorong pelaburan untuk menjaga kekayaan</p>
--	--	--	--	--

SC akan menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan kesemua lima keutamaan strategik, dengan tumpuan khusus kepada Keutamaan Strategik 5 – Menggalakkan pelaburan bagi penciptaan kekayaan, selaras dengan peranan dan mandat SC sebagai pengawal selia pasaran modal.

Bagi meningkatkan kesedaran dan keterlihatan, FEN telah menubuhkan sebuah reruai dengan penyertaan dari BNM, SC, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) di Parlimen dari 1 hingga 3 Disember semasa persidangan Parlimen, serta berinteraksi dengan lebih 90 orang Ahli Parlimen.

Memperluas Jangkauan Geografi

Beberapa inisiatif kolaboratif telah memperluas pendidikan pelabur melangkaui pusat bandar kepada komuniti yang kurang mendapat liputan. BNM telah menganjurkan siri Karnival Celik Kewangan di dua lokasi, iaitu Tawau, Sabah (5–6 Julai) dan George Town, Pulau Pinang (14–16 November), sebagai sebahagian daripada inisiatif FEN Street. InvestSmart® mengekalkan kehadiran khusus di kedua-dua lokasi tersebut dan berjaya mendekati lebih 37,000 pengunjung di kawasan yang lazimnya mempunyai akses terhadap kepada perkhidmatan serta maklumat kewangan.

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) pula telah menganjurkan Program Pusat Komuniti Desa (PKD) Mobile Kuala Perlis Tahun 2025, yang bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai perkhidmatan kerajaan, pemerkasaan wanita dan kesejahteraan komuniti. InvestSmart® turut mengambil bahagian sebagai pempamer, sekali gus memperluas pendidikan pelabur kepada golongan masyarakat yang sering terpinggir daripada usaha literasi kewangan arus perdana.



Menyasarkan Segmen Kurang Mendapat Liputan

Literasi Kewangan Perkhidmatan Awam

InvestSmart® telah bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi kerajaan bagi memperkukuh daya tahan kewangan dalam kalangan penjawat awam, dengan mengambil kira kepentingan kesejahteraan kewangan terhadap produktiviti tenaga kerja serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam.

Kerjasama ini mencerminkan peningkatan kesedaran dalam kalangan agensi kerajaan bahawa kesejahteraan kewangan pekerja bukan sekadar isu peribadi, sebaliknya merupakan keutamaan organisasi. Dengan memperkasa keupayaan penjawat awam merentasi pelbagai fungsi — daripada audit dan kastam hingga kepada agensi penguatkuasaan dan pembangunan — SC memastikan kakitangan sektor awam mampu mengenal pasti tanda amaran penipuan, membimbing komuniti sebagai perantara yang dipercayai, serta melindungi kesejahteraan kewangan mereka sendiri.



Penglibatan Komuniti Secara Inklusif

InvestSmart® telah menjalankan kerjasama strategik dengan organisasi yang mewakili pelbagai segmen masyarakat Malaysia bagi memastikan usaha literasi kewangan menjangkau golongan yang mungkin terlepas pandang daripada program arus perdana.

Kerjasama ini telah memperluas kehadiran SC merentasi kumpulan demografi yang mungkin mempunyai simpanan, namun kurang pengalaman menggunakan platform pelaburan digital serta terdedah kepada taktik penipuan baharu. Melalui pelbagai saluran penglibatan ini, InvestSmart® menegaskan bahawa literasi kewangan merupakan agenda nasional bersama, dengan memastikan semua rakyat Malaysia mempunyai akses yang saksama kepada pendidikan kewangan yang boleh dipercayai tanpa mengira latar belakang, keadaan atau peringkat kehidupan.



Memperkukuh Keupayaan Industri dan Penglibatan Belia

Kerjasama Industri Pasaran Modal

Kerjasama dengan pelbagai badan industri telah memperkukuh keupayaan profesional pengantara kewangan di samping memperluas usaha pendidikan pelabur kepada orang ramai.

Perkongsian ini mencerminkan pendekatan ekosistem SC melalui kerjasama dengan bursa saham, badan pengurusan dana dan majlis perancangan kewangan bagi menjangkau pelabur menerusi pelbagai titik sentuh. Siri Karnival Saham telah membawa pendidikan pasaran saham kepada pelbagai komuniti di seluruh negara, dengan kerjasama yang turut menangani jurang keterangkuman kewangan dalam kalangan komuniti etnik serta pelabur Bumiputera.

World Investor Week (WIW) 2025 menzahirkan komitmen InvestSmart® terhadap amalan terbaik antarabangsa. Program panel 'Ring the Bell' telah menerima liputan media yang meluas, manakala siri webinar bersama Bursa Young Investor Club (BYIC) melibatkan pelajar universiti bagi membina generasi pelabur bermaklumat pada masa hadapan. InvestSmart® turut menyokong kempen global IOSCO berkaitan Relationship Investment Scams menerusi kandungan harian di media sosial, sekali gus menunjukkan penyertaan aktif dalam Kumpulan Kerja IOSCO. Konvensyen tahunan FIMM pula membincangkan isu keselamatan unit amanah bagi membina semula keyakinan pelabur dalam suasana peningkatan kesedaran terhadap penipuan, manakala siri My Money



& Me anjuran MFPC telah menjangkau komuniti di lapan negeri melalui pendidikan perancangan kewangan secara praktikal.

Pembangunan Profesional untuk Pendidik

Di bawah Program Train-the-Trainer bagi Pengurusan Kewangan Peribadi FEN yang dijalankan dengan kerjasama Financial Industry Collective Outreach (FINCO) dan Kementerian Pendidikan (KPM), seramai 147 jurulatih utama telah dilengkapkan untuk menyampaikan latihan kepada kira-kira 10,080 guru di lima negeri (Sarawak, Kuala Lumpur, Kedah, Terengganu dan Sabah), sekali gus menjangkau anggaran seramai 292,320 pelajar di seluruh negara. Model pengganda ini meletakkan guru sebagai contoh tauladan literasi kewangan sambil menanamkan pendidikan pelabur dalam sistem pendidikan formal Malaysia.



Latihan Profesional Media

Institut Akhbar Malaysia (MPI) telah menjemput InvestSmart® untuk menyampaikan latihan kepada seramai 20 hingga 25 pihak profesional media, dengan tujuan memperkukuh pemahaman wartawan mengenai penipuan pelaburan, tren terkini dan tanda amaran. Dengan meningkatkan kualiti kewartawanan kewangan, inisiatif ini mengiktiraf bahawa media berperanan sebagai jambatan penting antara pengawal selia dan pihak awam, di mana pelaporan yang tepat dapat mencegah mangsa penipuan.



PENGLIBATAN DALAM BAGI MEMACU NILAI

Perancangan Perniagaan – Sesi *Townhall* dan Penglibatan Staf

Berasaskan Rancangan Perniagaan selama tiga tahun bagi 2023–2025, SC telah menganjurkan sesi *townhall* pada 17 April 2025 bagi memaklumkan warga kerja SC mengenai perkembangan utama organisasi dan keutamaan bagi tahun terakhir pelan tersebut. Pihak pengurusan SC telah memberikan gambaran keseluruhan pencapaian sepanjang dua tahun sebelumnya, menegaskan kejayaan pelaksanaan inisiatif transformasi dan menyorot bidang tumpuan yang diperlukan untuk memastikan Rancangan Perniagaan 2025 dapat diselesaikan dengan jayanya. Sesi tersebut turut membentangkan Kad Skor Korporat 2025, yang terus menekankan prestasi berasaskan hasil dan keselarasan dengan objektif strategik SC.

Sesi *townhall* berperanan sebagai platform untuk menyampaikan keutamaan pengawalseliaan dan pembangunan SC bagi tahun tersebut, termasuk inisiatif institusi utama seperti Malaysia selaku Pengerusi ASEAN, persiapan untuk Penilaian Bersama FATF, dan pelaksanaan rangka kerja SFO. Inisiatif ini dibentangkan dalam konteks yang lebih luas untuk memperkukuh pasaran modal Malaysia, mempertingkatkan kemampuan dan menyokong aspirasi ekonomi negara. Warga kerja SC turut diberikan maklumat terkini mengenai program merentasi organisasi yang bertujuan meningkatkan ketahanan operasi dan mengekalkan momentum daripada tahun-tahun awal Rancangan Perniagaan.

Sebagai pelengkap kepada sesi *townhall*, penglibatan kakitangan sepanjang tahun menyokong pelaksanaan berkesan Rancangan Perniagaan dan Kad Skor Korporat. Sesi ini mengukuhkan keselarasan organisasi, memperdalam pemahaman mengenai keutamaan strategik, dan memantapkan budaya prestasi SC. Keseluruhan sesi *townhall* dan penglibatan yang berkaitan terus memupuk ketelusan, matlamat bersama dan kerjasama merentasi organisasi, memastikan SC berada pada kedudukan yang baik untuk kitaran perancangan strategik seterusnya.



INISIATIF KOMUNIKASI STRATEGIK 2025

Pada tahun 2025, SC mengekalkan tahap penglibatan media yang tinggi, dengan menekankan autoriti teknikal dan kepimpinan pemikiran dalam tema pengawalseliaan dan pembangunan utama. Usaha media tertumpu pada penyampaian penjelasan teknikal, khususnya dalam bidang kelestarian, pertumbuhan PKS dan integrasi pasaran modal ASEAN. Hasilnya, SC berjaya menghasilkan sebanyak 3,075 kliping berita menjelang akhir tahun.

Aktiviti media utama termasuk:

- **95 kenyataan media** yang dikeluarkan bagi mengumumkan perkembangan pengawalseliaan dan pasaran, tindakan penguatkuasaan serta pencapaian strategik.
- **16 penglibatan media** yang merangkumi taklimat teknikal dan latar belakang serta lawatan ke rumah media bagi memastikan pelaporan yang tepat mengenai topik pengawalseliaan kompleks sambil mengekalkan hubungan baik dengan pihak media.

- **15 temu bual bersama media** telah dijalankan yang melibatkan pelbagai figura kepimpinan.
- **Sembilan artikel pendapat (Op-ed)** diterbitkan di media utama, dengan tumpuan utama pada kelestarian dan pasaran modal ASEAN.

Pengerusian Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF)

Sebagai Pengerusi ACMF, SC bertumpu kepada komunikasi bagi memperkukuh kerjasama serantau, tadbir urus korporat dan pembangunan lestari. Penglibatan media berkaitan inisiatif ACMF telah menghasilkan lebih 1,000 artikel di platform tempatan dan antarabangsa, mengimbangi mesej dasar dengan naratif berfokuskan komuniti bagi mencerminkan kepelbagaian ekosistem pasaran modal ASEAN.

Kepimpinan Serantau dan Arah Dasar

Liputan media menekankan peranan kepimpinan Malaysia dalam ASEAN melalui acara utama seperti Persidangan Pelaburan ASEAN dan Persidangan Antarabangsa ACMF. Salah satu pencapaian penting ialah pengenalan Pelan Tindakan ACMF 2026–2030, yang menetapkan hala tuju kolektif bagi rantau ini. Liputan media mengenai pelan tersebut, yang turut disokong oleh kehadiran Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, menekankan keutamaan strategik iaitu kelestarian, keterangkuman kewangan dan transformasi digital, serta menggambarkan langkah-langkah yang diambil bagi memperkukuh ASEAN sebagai hab pelaburan.

Memperkukuh Piawaian Tadbir Urus Korporat

Tadbir urus korporat terus menjadi tema utama, dengan Persidangan dan Anugerah Tadbir Urus Korporat ASEAN (CGCA) mencatat liputan media tertinggi bagi tahun tersebut. Liputan media menyorot pencapaian syarikat tersenarai awam di seluruh rantau, terutamanya di Indonesia, sekali gus memperkukuh kedudukan ASEAN sebagai pasaran modal yang berdaya saing. Ini mencerminkan komitmen bersama terhadap piawaian

tadbir urus yang lebih kukuh serta agenda reformasi berterusan SC.

Pembangunan Bakat dan Penglibatan Komuniti

SC turut memberi keutamaan kepada pembangunan bakat dan penglibatan orang ramai. Liputan media mengenai ASEAN Investment Challenge menonjolkan pengembangan pertandingan ini untuk merangkumi Filipina, serta kejayaan berterusan Malaysia, dengan pelajar tempatan meraih pingat utama untuk tahun ketiga berturut-turut. Usaha ini, yang disokong oleh rakan industri seperti CGS International, mengukuhkan komitmen SC dalam membina pelabur yang bersedia menghadapi masa depan dan celik kewangan.

Inisiatif tambahan, termasuk Program Pembangunan Pengawal Selia Muda (Young Regulators Development Programme), Festival Batik Lestari, investED untuk Wanita Kembali Bekerja, dan COFAR Challenge, telah meluaskan penglibatan di kalangan belia, profesional dan komuniti. Kandungan digital sebagai keutamaan turut memperkukuh mesej mengenai adaptasi iklim, budaya dan kelestarian, seterusnya meningkatkan capaian melebihi audiens dasar tradisional.

SC juga telah menyelaraskan temu bual bersasar bersama media dan penglibatan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang penipuan pelaburan dan mengukuhkan usaha pendidikan pelabur.

Penglibatan Media dan Kehadiran Digital

SC mengekalkan penglibatan berterusan dengan media antarabangsa, serantau dan tempatan, disokong oleh kehadiran digital yang aktif. Lebih daripada 250 hantaran media sosial berkaitan inisiatif ACMF telah diterbitkan di LinkedIn, TikTok dan Instagram, menghasilkan lebih 112,000 tontonan dan hampir 120,000 interaksi, sekali gus menyokong penyebaran mesej utama secara lebih meluas.

Secara keseluruhan, usaha-usaha ini menekankan pelaksanaan mandat komunikasi SC pada tahun 2025, menyokong peranannya sebagai Pengerusi ACMF serta memajukan pasaran modal yang tahan lasak, inklusif dan berpandangan ke hadapan.

SISI LAIN ACMF: DI SEBALIK TABIR PERANAN PASUKAN PELAKSANA

Apabila terfikir tentang ASEAN, pelbagai gambaran mungkin terlintas di fikiran, seperti keharuman rempah ratus di pasar malam yang meriah di Thailand, keindahan pantai di Filipina, atau bunga terbesar di dunia, Rafflesia, yang mekar di Malaysia. Namun, di sebalik gambaran tersebut, terdapat perkembangan yang jauh lebih signifikan, khususnya melibatkan salah satu blok pasaran yang berkembang pesat di peringkat global, dengan nilai permodalan pasaran saham gabungan melebihi AS\$3 trilion.

Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF), yang menghimpunkan para pengawal selia daripada sepuluh – kini sebelas dengan penyertaan Timor-Leste – negara ASEAN, disatukan oleh matlamat bersama: memperkukuh keterhubungan, keterangkuman dan daya tahan dalam pasaran modal serantau. Pada tahun 2025, SC berbangga menjadi Pengerusi ACMF yang dianjurkan di Malaysia.



Di sebalik pelbagai penyampaian, mesyuarat dan acara berkaitan ACMF, terdapat sebuah pasukan yang terdiri daripada 150 orang warga kerja SC daripada pelbagai jabatan.

Di barisan hadapan, para perwakilan ACMF disambut dan dibantu oleh 29 Pegawai Perhubungan (LO), masing-masing ditugaskan kepada sebuah negara atau organisasi. Reuben Varughese, yang menyokong delegasi Singapura, berkata beliau pada mulanya agak teragak-agak untuk mengambil peranan tersebut. "Namun, saya menerimanya sebagai satu cabaran. Terdapat begitu banyak detik bermakna yang saya lalui, dan menjadi sebahagian daripada Persidangan ACMF adalah pengalaman yang amat berharga." Baginya, peluang memperkenalkan Malaysia kepada para tetamu turut memberinya ruang untuk mengenali Malaysia dengan lebih mendalam, di samping membina hubungan dengan rakan-rakan pengawal selia.

Rakan-rakan lain mengimbas kembali bagaimana pasukan dapat membina keserasian dengan pantas dalam keadaan penuh tekanan. Muhd Haziq Aiman (LO Kemboja) berkata, "Saya tidak menjangka tahap kerjasama, kepercayaan dan keterbukaan yang ditunjukkan semua pihak dalam memastikan objektif hari tersebut tercapai." Tee Jin Wei (LO Thailand) menambah, "Melihat rakan sekerja daripada pelbagai jabatan bersatu dan bekerja dengan begitu serasi, walaupun kebanyakan kami belum pernah berjumpa



sebelumnya, merupakan pengalaman paling bermakna sepanjang tempoh Pengerusian."

Bagi Kaveena Maniam, yang berkhidmat sebagai Ketua Pelapor dan membantu menganjurkan dua persidangan ASEAN, detik paling menyerlah adalah dari segi skalanya: "Melangkah masuk ke dewan untuk meja bulat sarapan pagi bersama Perdana Menteri Malaysia dan para pelabur antarabangsa... dan melihat bahawa ruang bukan sahaja penuh, tetapi terlebih kapasiti – itu benar-

benar meninggalkan kesan.” Beliau mengimbas saat berdiri di belakang dewan, melihat khalayak yang padat, sambil terdetik, “Baiklah, ini benar-benar berlaku—kita sudah berjaya.”

Namun kejayaan penganjuran ACMF bukan hanya hasil usaha warga SC. ACMF, yang telah wujud selama lebih 20 tahun, telah menarik penyertaan individu berdedikasi yang komited memperkukuh objektifnya dan memperkayakan landskap pasaran modal ASEAN.



Tahun ini turut diperkaya dengan amalan diplomasi durian Malaysia serta pameran batik di setiap acara ACMF. Peserta menerima busana batik khas ciptaan artisan tempatan, yang dipakai semasa mesyuarat dan menyerikan lagi setiap perhimpunan ACMF. Acara-acara ini mencapai kemuncaknya menerusi Persidangan Pasaran Modal Antarabangsa ASEAN, yang menghimpunkan sekitar 300 peserta dari seluruh rantau dan antarabangsa.

Dalam semangat perpaduan serta bagi menutup tahun yang cemerlang, para anggota ACMF, diketuai oleh Pengerusi masing-masing, berganding bahu menghasilkan sekeping karya batik sebagai simbol perjalanan bersama mereka. Karya peringatan ini menjadi tanda ketekunan, kreativiti dan semangat kolektif para anggota, mencerminkan nilai yang akan terus memandu ACMF pada masa hadapan.

Pengerusian SC disempurnakan dengan majlis makan malam gala bertemakan Old Malaya, lengkap dengan persembahan muzik, pertunjukan fesyen batik dan persembahan spontan. Liyana Nadhirah Mohd Nazmi

mengimbas bagaimana beliau turut ditarik ke dalam persembahan bersama kumpulan, menyanyikan lagu ‘Standing in the Eyes of the World’ dendangan Ella, bersama Pengerusi Eksekutif SC, Dato’ Mohammad Faiz Azmi dan anggota Pasukan Eksekutif. “Sejujurnya saya sangat gementar. Tetapi apabila kami semua menyanyi bersama, terasa seolah-olah segala keletihan sepanjang tahun hilang begitu sahaja. Ia sangat tidak dapat dilupakan!”

Pengerusian ACMF oleh SC berakhir dengan penuh seribu satu kenangan—dengan hidangan yang enak, muzik yang menghiburkan dan persahabatan yang bermakna. Namun yang lebih membanggakan, tempoh tersebut telah menghasilkan empat penyampaian berkaitan PED, empat penyampaian bukan PED, tiga Mesyuarat Pengerusi ACMF, empat Mesyuarat Timbalan ACMF, dua persidangan antarabangsa dan 11 bengkel. Kerja tidak terhenti di situ—dengan Pelan Tindakan baharu serta inisiatif adaptasi dan pasaran karbon secara sukarela yang sedang berlangsung, banyak perkara menarik menanti ACMF.

Buat masa ini, SC menyerahkan baton Pengerusian kepada rakan-rakan kami di Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Filipina. Walaupun baton telah diserahkan, misinya kekal sama: membina pasaran yang mampan, memajukan integrasi serantau dan memperkasa para pelabur di seluruh ASEAN.



Fakta Menarik: Tahukah Anda?

- Logo ASEAN dan ACMF memaparkan sepuluh tangkai padi, melambangkan 10 negara anggota asal, yang diikat bersama sebagai simbol solidariti dan persahabatan.
- Salah seorang perwakilan Brunei ialah kembar seiras, dan kembarnya bekerja di Autoriti Monetari Brunei Darussalam (BDCB).
- Ketua Pengarah Securities and Exchange Regulator of Cambodia (SERC) dan Timbalan Pesuruhjaya Otoritas Jasa Keuangan (OJK) menyambut hari lahir mereka semasa ACMF tahun ini. Sudah semestinya mereka diraikan dengan kek dan nyanyian hari lahir oleh para perwakilan mesyuarat dan pasukan Sekretariat.
- Laos merupakan satu-satunya negara Asia Tenggara yang tidak mempunyai laut, namun ia juga dikenali sebagai 'Negeri Sejuta Gajah'.
- Myanmar adalah antara beberapa lokasi di dunia yang menjadi habitat lumba-lumba Irrawaddy, dan nelayan di sana secara tradisinya bekerjasama dengan haiwan tersebut untuk menangkap ikan.
- Lim Tuang Lee, Penolong Pengarah Urusan Kanan Monetary Authority of Singapore (MAS) bagi Kumpulan Pasaran Modal, merupakan seorang penyanyi yang hebat!
- Thailand memegang rekod bagi nama bandar terpanjang di dunia: nama rasmi Bangkok dalam bahasa Thai mempunyai 168 huruf.
- Timor-Leste mempunyai dua bahasa rasmi, iaitu Portugis dan Tetum, dengan Tetum merupakan bahasa Austronesia yang dituturkan terutamanya di Timor-Leste.
- Durian goreng ialah snek popular di Vietnam, yang dikenali secara tempatan sebagai *sau rieng chien gion*.